

Rahsia Kekuatan Kita

Umat Islam Hendaklah Taksuf Kepada Agamanya

“Taksuf” atau “fanatik” ialah kata-kata yang selalu dilemparkan kepada orang Islam oleh golongan yang anti-Islam dan cemburu melihat mendalamnya semangat Islam di dalam jiwa pemeluknya. Masalah ini telah diuraikan oleh Tuan Kiyai “Haji Munawwar Khalil” seorang ulama’ dan ahli hadis Indonesia yang terkenal. Inti sarinya kita sajikan di sini – P.Q.

“Siapakah yang terlebih baik perkataannya daripada orang yang mengajak kepada agama Allah dan beramal salih seraya berkata tegas – sesungguhnya aku ini daripada orang-orang Islam? Dan tidak sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah yang jahat itu dengan terlebih baik; maka jika demikian, orang yang bermusuhan antara kamu dan dia itu menjadi kawan yang karib” demikian maksud ayat 33 – 34 Surat al-Sajdah.

*

Pada masa yang akhir-akhir ini sebahagian besar dari antara kita umat Islam merasa kurang senang kalau dikatakan taksuf (fanatik) oleh orang lain. Dan umat pedih bila dinamakan golongan yang taksuf kepada Qurannya oleh orang-orang yang anti-Islam. Hingga dari kerananya tidak kurang-kurang dari antara kita yang dengan sengaja telah berani melanggar batas-batas agamanya, telah turut ber-*dancing* dengan perempuan dan meminum arak kerana merasa malu kalau tidak ikut akan dikatakan taksuf. Mereka merasa malu jika dalam persidangan-persidangan rasmi bila telah tiba waktu sembahyang meminta diri hendak sembahyang sebentar, kerana mereka takut kalau dipandang sebagai orang yang taksuf oleh orang lain yang beraliran lain.

Demikianlah seterusnya mereka dengan mudah meninggalkan kewajipannya sebagai umat Islam seperti bersembahyang, berpuasa,

dan berzakat. Tetapi tidak sedar kalau berkahwin dengan cara Islam, kalau kematian salah seorang keluarganya minta diurus secara Islam.

Erti Taksuf

Kata “taksuf” yang biasa diertikan dengan kata “fanatik” itu ertinya yang asal ialah “*tasyaddud*” atau bersangatan, bersungguh-sungguh, dan berpegang teguh. Demikianlah kalau kita kembali menurut *lughah*. Jelasnya, orang yang bertaksuf kepada agamanya itu ialah orang yang sangat teliti, bersungguh-sungguh, dan berpegang teguh kepada agamanya. Tidak mudah dibelokkan, tidak mudah diperdaya, dan tidak dapat dipengaruhi oleh siapa dan apa pun juga; dan jika perlu ia siap sedia berkorban untuk mempertahankan kehormatan agamanya.

“Taksuf ialah suatu perkara yang baik, pendirian yang tegak, jalan yang terang, dan pedoman yang lurus. Dengan dialah suatu bangsa akan terpelihara bahasanya, kebangsaannya, akhlaknya yang mulia dan adat istiadatnya yang baik”. Demikian tafsiran al-ustaz Mustafā al-Gilainī.

Panduan al-Quran

Allah Subhānahu wa Ta’ālā telah menyatakan di dalam Quran dengan firman-Nya yang tertera di kepala karangan ini, yang maksudnya

jelas menunjukkan, bahawa tidak ada orang terlebih baik perkataannya selain daripada orang yang:

- (a) mengajak orang lain supaya mengikut agama Allah
- (b) beramal yang baik. Yang menurut pimpinan Allah
- (c) berkata dengan terus-terang: Sesungguhnya aku

ini daripada golongan Muslimin (menyerahkan diri kepada Allah).

Kerana orang yang menyeru kepada agama Allah dan orang yang berbuat baik itu sebenarnya menyeru dan menarik orang lain kepada kebaikan, keselamatan, kebahagiaan, dan kesejahteraan dunia dan akhirat. Sedang orang yang menyeru orang lain kepada faham anti-agama adalah sebaliknya iaitu kejahatan, kesesatan, kesengsaraan, dan kecelakaan dunia dan akhirat. Oleh sebab itu tentu tidak akan sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah kejahatan orang dengan cara yang lebih baik!

Ayat Quran Allah yang ertinya sedemikian jelasnya itu terang mengandungi pimpinan kepada kita umat Islam, bahawa kita masing-masing hendaklah berani berterus-terang menyeru atau mengajak orang lain yang masih di luar golongan Islam supaya

mengikut agama Allah, dan dengan terang pula mengerjakan kebaikan, beramal soleh di hadapan orang ramai, jangan malu dan jangan khuatir kalau ditertawakan atau diejek-ejek oleh mereka; dalam pada itu hendaklah berani pula menyatakan bahawa kami ini daripada golongan umat Islam yang mengikut agama Islam.

Pimpinan Allah yang sedemikian itu jelas menunjukkan kita, bahawa kita umat Islam masing-masing hendaklah menjadi orang yang berpegang teguh dan bersungguh-sungguh mengikut ajaran Islam, menjadi umat yang berfaham Islam dengan erti kata yang sebenarnya, dan menjadi umat yang bertanggungjawab memperjuangkan berlakunya hukum-hukum Islam di bumi ini.

Jadi “taksab” atau “fanatik” terhadap agama Islam sepanjang pengertian dan pimpinan Islam, tidaklah bererti membenci dan memusuhi golongan pemeluk agama lain. Dan tidak pula bererti mengajak bertengkar dengan mereka akan tetapi bererti bahawa umat Islam dalam memeluk dan mengikut agamanya hendaklah dengan erti kata yang sebenarnya mengerjakan perintahnya dan menjauhi larangannya.

SUDAH SIAP

CUKUP CANTIK

KALENDAR UNIK WARNA 1956

Kalendar unik warna tahun 1955 telah mendapat sambutan yang luar biasa – sebabnya kerana perbuatannya bagus berwarna-warni.

Untuk tahun 1956 unik warna menghadirkan lagi kalendar yang lebih bagus–dicap lebih sempurna dan menarik – gambaran cukup hebat berwarna-warni – dicetak di atas kertas yang baik – berkulit dengan bentuk yang menimbulkan rasa gembira dan berkenan. Perbuatannya dijamin baik dan bagus sedang harganya hanya \$ 1.00 untuk Singapura – pusat dan envelope tambah 15 sen – beli xxxx lain harganya.

Penguasa,

QALAM

356 & 358 Geylang Road, Singapore, 14.

TAQWIM QALAM

SUDAH SIAP

Mengandungi waktu-waktu sembahyang perkiraan ahli falak yang masyhur al-Syeikh Tahir Jalal al-Dīn. Gambar-gambar pimpinan dan masjid berwarna-warni menghiasinya. Harga di Singapura - / \$1 pusat 15 sen. Tempahlah dari sekarang!